

PENGARUH FAKTOR KONTEKSTUAL DAN
KEPERCAYAAN TERHADAP AMALAN
PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
DALAM KALANGAN GURU
SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KINTA
SELATAN

NUR SHIRA BINTI ZAINULDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

PENGARUH FAKTOR KONTEKSTUAL DAN KEPERCAYAAN
TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH KINTA SELATAN

NUR SHIRA BINTI ZAINULDIN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada9(hari bulan) Januari (bulan) 20²⁴.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR SHIRA BINTI ZAINULDIN, M20211000205, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH FAKTOR KONTEKSTUAL DAN KEPERCAYAAN TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KINTA SELATAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ZAHARI BIN SUPPIAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH FAKTOR KONTEKSTUAL DAN KEPERCAYAAN TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KINTA SELATAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12 .01.2024

Tarikh

DR ZAHARI BIN SUPPIAN
Tandatangan Penyelia
Jabatan Pengajaran Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris


 UPSI/IPS-3/BO 31
 Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH FAKTOR KONTEKSTUAL DAN KEPERCAYAAN TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

No. Matrik / Matric's No.: M20211000205

Saya / I : NUR SHIRA BINTI ZAINULDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12.01.2024

DR ZAHARI BIN SUPPIAN
 Jabatan Pengajian dan Pendidikan
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin Nya, kajian ini dapat disiapkan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengukuran dan Penilaian) Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sesungguhnya pengalaman menyiapkan kajian ini memberi kesan yang mendalam kepada saya dan apa yang telah dilalui dan ditempuhi memberikan sebuah penghayatan dan penghargaan terhadap seribu satu nilai kehidupan dan nikmat yang bermakna. Tanpa sokongan, dorongan serta cetusan motivasi yang diberikan, saya tidak mampu menyelesaikan hasil kerja yang bermakna ini.

Justeru, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Dr. Zahari Bin Suppian yang sabar membimbing serta memberi tunjuk ajar dan semangat sehingga saya berjaya menyempurnakan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada para pensyarah yang terlibat sama dalam menyempurnakan pengajian sepanjang 4 semester ini.

Penghargaan juga dirakamkan buat Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi sepenuh kepercayaan dan peluang kepada saya untuk menyambung pelajaran ke peringkat ini. Tidak ketinggalan juga buat pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), dan guru-guru sekolah rendah daerah Kinta Selatan yang terlibat memberikan kerjasama dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga buat suami, ibubapa, anak-anak dan seluruh keluarga saya yang memahami dan sentiasa memberikan bantuan dalam setiap jatuh bangun sepanjang tempoh menyempurnakan kajian ini. Akhir sekali, terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan di UPSI serta orang perseorangan yang turut membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan bagi menentukan sejauh mana pengaruh faktor kontekstual (pengetahuan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan terhadap amalan PBD dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Kinta Selatan, Perak. Seramai 391 orang guru sekolah rendah dalam daerah Kinta Selatan, Perak dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak kelompok. Data kajian diperoleh menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan disesuaikan (*adapt and adopt*) daripada kajian lepas. Instrumen kajian ini juga mengandungi lima konstruk iaitu pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja dan kepercayaan yang dikonseptual berdasarkan Model Kognisi Guru Borg dan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (regresi berganda). Dapatan analisis deskriptif, menunjukkan pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kepercayaan dan amalan PBD adalah pada tahap tinggi manakala kekangan masa dan bebanan kerja pada tahap sederhana. Dapatan analisis inferensi (regresi berganda) menunjukkan bahawa terdapat pengaruh faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan terhadap amalan PBD iaitu sebanyak 33.2%. Dapatan turut menunjukkan bahawa polisi pendidikan merupakan peramal terbaik untuk amalan PBD dengan nilai $\beta = 0.356$, $p < 0.05$. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi amalan PBD guru seterusnya dapat diambil kira dalam merangka polisi-polisi yang relevan khususnya bagi memperkasa pembangunan profesionalisme keguruan dalam aspek PBD.

INFLUENCE OF CONTEXTUAL FACTORS AND BELIEFS ON CLASSROOM ASSESSMENT PRACTICES AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN SOUTH KINTA DISTRICT

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the extent of the influence of contextual factors (Classroom Assessment Knowledge, education policy, time constraints, workload) and belief in Classroom Assessment practices among primary school teachers in the South Kinta district of Perak. A total of 391 primary school teachers in the South Kinta district of Perak were selected as sample studies using the group random sampling method. The study data was obtained using adapted and adopted questionnaire instruments from past studies. This study instrument also contains five constructs, namely CA knowledge, education policy, time constraints, workload and beliefs conceptualized based on the Borg Teacher Cognition Model and Bronfenbrenner Ecological Theory. The analysis methods used are descriptive statistical analysis (mean and standard deviation) and inference (multiple regression). The findings of descriptive analysis, showed that CA knowledge, education policy, beliefs and CA practices are at a high level while time constraints and workloads are at moderate levels. The findings of inference analysis (multiple regression) showed that there was an influence on contextual factors (CA knowledge, education policy, time constraints, workload) and belief in CA practices of 33.2%. The findings also showed that education policies are the best predictor of CA practices with β values = 0.356, $p < 0.05$. The results of this study are expected to provide input to the Ministry of Education Malaysia (MOE) on the factors that influence the practice of teacher CA and can be considered in formulating relevant policies especially to strengthen the development of teacher professionalism in the aspect of CA.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8 Definisi Operasional	19
1.8.1 Faktor Kontekstual	19
1.8.2 Pengetahuan PBD	20
1.8.3 Polisi Pendidikan	21

1.8.4	Kekangan Masa	21
1.8.4	Bebanan Kerja	22
1.8.6	Kepercayaan Guru Tentang PBD	23
1.8.7	Amalan Pentaksiran	24
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Kepentingan Kajian	26
1.11	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Konsep Pentaksiran Bilik Darjah	30
2.2.1	Pentaksiran	30
2.2.2	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan	32
2.2.3	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	34
2.2.4	Pentaksiran Bilik Darjah	36
2.3	Latar Belakang Teori dan Model	37
2.3.1	Teori Bronfenbrenner	38
2.3.2	Model Kognisi Guru Borg	40
2.3.3	Definisi dan Penjelasan Kerangka Kajian	44
2.3.3.1	Faktor Kontekstual	44
2.3.3.2	Pengetahuan Pentaksiran Bilik Darjah	46
2.3.3.3	Polisi Pendidikan	48
2.3.3.4	Kekangan Masa	52
2.3.3.5	Bebanan Kerja	54
2.3.3.6	Kepercayaan Guru Tentang PBD	55
2.3.4	Teori dan Konsep Utama berkaitan Amalan Pentaksiran Bilik Darjah	58

2.3.4.1	Teori berkaitan Amalan Pentaksiran Bilik Darjah	58
2.3.4.2	Amalan Pentaksiran	59
2.3.4.2.1	Perancangan Pentaksiran	63
2.3.4.2.2	Penyediaan Item Pentaksiran	65
2.3.4.2.3	Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	65
2.3.4.3.4	Laporan Skor dan Penggredan	66
2.3.4.3.5	Penggunaan dan Penilaian Data	67
2.4	Faktor Kontekstual yang Mempengaruhi Amalan PBD	68
2.5	Kepercayaan Guru dan Amalan PBD	74
2.6	Rumusan	76

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	77
3.2	Reka Bentuk Kajian	78
3.3	Populasi dan sampel	79
3.3.1	Kaedah Pensampelan	81
3.4	Instrumen	83
3.5	Kajian Rintis	87
3.5.1	Kesahan	87
3.5.1.1	Kesahan Muka	88
3.5.1.2	Kesahan Kandungan	88
3.5.1.3	Kesahan Konstruk	92
3.5.2	Kebolehppercayaan	95
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	98
3.7	Kaedah Menganalisis Data	100

3.8	Pembersihan, Semakan dan Penyaringan Data	101
3.9	Rumusan	103

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	104
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	105
4.3	Analisis Deskriptif	106
4.3.1	Soalan Kajian 1	107
4.3.2	Soalan Kajian 2	110
4.3.3	Soalan Kajian 3	110
4.4	Andaian Inferensi	115
4.4.1	Pematuhan Andaian Regresi Berganda	115
4.4.2	Pengujian Hipotesis	121
4.5	Rumusan	129

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	130
5.2	Ringkasan Kajian	131
5.3	Perbincangan	132
5.3.1	Pengaruh Pengetahuan PBD dalam kalangan Guru Sekolah Rendah terhadap Amalan PBD	132
5.3.2	Pengaruh Polisi Pendidikan dalam kalangan Guru Sekolah Rendah terhadap Amalan PBD	134
5.3.3	Pengaruh Kekangan Masa dalam kalangan Sekolah Rendah terhadap Amalan PBD	135
5.3.4	Pengaruh Bebanan Kerja dalam kalangan Guru Sekolah Rendah terhadap Amalan PBD	137
5.3.5	Pengaruh Kepercayaan dalam kalangan Guru Sekolah Rendah terhadap Amalan PBD	139
5.3.6	Peramal Terbaik bagi Amalan PBD	141

5.3.7	Amalan PBD	143
5.3.7.1	Aspek Perancangan Pentaksiran	143
5.3.7.2	Aspek Penyediaan Item Pentaksiran	144
5.3.7.3	Aspek Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	145
5.3.7.4	Aspek Laporan Skor dan Penggredan	146
5.3.7.5	Aspek Penggunaan dan Penilaian Data	147
5.4	Implikasi Kajian	148
5.4.1	Implikasi Teori	148
5.4.2	Implikasi kepada Amalan	149
5.4.3	Implikasi kepada Sistem Pendidikan Negara	151
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	152
5.6	Kesimpulan dan Penutup	154

RUJUKAN

LAMPIRAN

155
173



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan murid yang mendapat tahap penguasaan 5 bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 di sekolah rendah daerah Kinta Selatan	80
3.2 Jadual Populasi dan Sampel	80
3.4 Instrumen Kajian	84
3.5 Skala Likert 5 Mata	86
3.6 Jadual Frekuensi Skala Likert	86
3.7 Pakar Kesahan Instrumen	89
3.8 Tahap Persetujuan Pakar dari Lawshe (1975)	90
3.9 Bilangan Pakar dan Implikasi terhadap skor <i>cut-off</i> (CVI) yang boleh diterima	90
3.1 Nilai Korelasi Item Bagi Setiap Konstruk	93
3.11 Julat Tafsiran Alpha Cronbach Konsistensi Dalaman dan Kebolehpercayaan	96
3.12 Nilai Alfa Cronbach Sub Konstruk Faktor Kontekstual & Konstruk Kepercayaan	96
3.13 Nilai Alfa Cronbach Konstruk Amalan PBD	97
3.14 Ringkasan Penganalisisan Data Berdasarkan Instrumen Soal Selidik	100
4.1 Analisis Latar Belakang Responden	106
4.2 Tahap Analisis Min dan Skala Tafsiran bagi Analisis Dapatan Soal Selidik	107
4.3 Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Pengetahuan PBD	107
4.4 Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Polisi Pendidikan	108





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.5	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Kekangan Masa 109
4.6	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Bebanan Kerja 109
4.7	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Kepercayaan Guru 110
4.8	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Perancangan Pentaksiran 111
4.9	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Penyediaan Item Pentaksiran 111
4.10	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Pentadbiran Item Pentaksiran 112
4.11	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Laporan Skor & Penggredan 112
4.12	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Penggunaan & Penilaian Data 113
4.13	Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Amalan PBD 114
4.14	Nilai Kepencongan & Kecerunan Keenam Enam Pemboleh ubah 116
4.17	Andaian Multikolineariti 119
4.18	Nilai Korelasi Antara Pemboleh ubah Tidak Bersandar 120
4.19	Nilai Signifikan Keseluruhan Peramal 121
4.20	Pengaruh Keseluruhan Pemboleh ubah 122
4.21	Pengaruh Pengetahuan PBD Terhadap Amalan PBD 123
4.22	Pengaruh Polisi Pendidikan Terhadap Amalan PBD 124
4.23	Pengaruh Kekangan Masa Terhadap Amalan PBD 124
4.24	Pengaruh Bebanan Kerja Terhadap Amalan PBD 125
4.25	Pengaruh Kepercayaan Terhadap Amalan PBD 126
4.26	Pengaruh Setiap Faktor 127
4.27	Ringkasan Dapatan Kajian 127
4.28	Ringkasan Hipotesis Kajian 128



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Model Kognisi Guru Borg, 2003	14
1.2. Model Konseptual Kepercayaan Guru & Amalan Nishino, 2012	16
1.3. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi daripada Borg, 2003 & Nishino, 2012	17
2.1. Pentaksiran sebahagian daripada PdPc dari Fauntley & Savage, 2008	32
2.2. Model Kognisi Guru dari Borg, 2003	41
2.3. Model Konseptual Kepercayaan Guru & Amalan dari Nishino, 2012	43
3.3. Jenis Pensampelan	81
3.13. Carta Alir Tatacara Pengumpulan Data	99
4.15. Taburan Normal P-P Plot bagi Pengaruh Faktor Kontekstual 117(Pengetahuan PBD, Polisi Pendidikan, Kekangan Masa, Bebanan Kerja) dan Kepercayaan Guru Tentang PBD	117
4.16. Histogram Lengkungan (<i>Bell Shaped</i>)	118



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CVI	<i>Content Validity Index</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi
EFL	<i>English as Foreign Language</i>
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
eRAS	<i>Educational Research Application System</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pengajaran dan Pembelajaran
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PS	Pentaksiran Sekolah
SEI	<i>Structured English Immersion</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik (Format Responden)
- B Surat Lantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- C Dokumen Semakan Kesahan Kandungan
- D Analisis Nilai CVI (*Content Validity Index*)
- E Surat Kebenaran Untuk menjalankan Kajian
- F Analisis Latar Belakang Responden
- G Analisis Deskriptif Setiap Item
- H Output Analisis Regresi Berganda



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



~tbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini dimulakan dengan membincangkan sedikit perkembangan pentaksiran di Malaysia serta usaha-usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merangka dasar bagi menangani isu-isu perubahan pentaksiran semasa. Kemudian, bab ini juga membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, soalan dan hipotesis kajian. Seterusnya diuraikan berkenaan kepentingan kajian, model yang terlibat dalam membentuk kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan-batasan yang terdapat dalam kajian ini, definisi operasional berdasarkan tajuk dan pemboleh ubah yang terlibat serta rumusan keseluruhannya.



1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan teknologi masa kini menjadikan dasar pendidikan sentiasa mengalami perubahan dan kemajuan. Bagi memenuhi keperluan pendidikan negara dari semasa ke semasa, sistem pendidikan di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam melakukan perubahan agar ia kekal relevan sejajar dengan perkembangan dunia masa kini. Untuk itu, KPM sering mengkaji, meneliti dan menjalankan pelbagai inisiatif termasuklah melahirkan dan meningkatkan keupayaan modal insan guru. Di peringkat sekolah, kualiti guru merupakan penentu keberhasilan murid (KPM, 2013). Murid yang berilmu dan bertamadun dapat dilahirkan apabila kompetensi yang dimiliki oleh guru digunakan sebaik mungkin.



Salah satu perubahan yang dilaksanakan oleh KPM adalah dengan mentransformasikan sistem pentaksiran di Malaysia dengan memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula tahun 2011. Perubahan yang berlaku ini bertujuan menangani isu sistem pendidikan di Malaysia yang terlalu menekankan kepada peperiksaan sehingga dikatakan kurang efektif untuk menilai murid secara holistik (Siti Nor Aisah, 2019; Yusof Boon, 2011). Disebabkan itu PBS telah dirancang sehingga menjadi kaedah untuk memberikan maklumat berkenaan prestasi murid secara menyeluruh daripada segi pengetahuan, kemahiran serta pengalaman dan nilai murni secara berterusan selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia. (Che Wan Sakilah, 2018).





Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan satu daripada komponen PBS. Bermula pada tahun 2016, PS telah dijenamakan semula menjadi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (KPM, 2018). PBD merupakan sebuah pentaksiran yang lebih formatif dan bersifat lebih autentik serta holistik bertujuan meningkatkan pembelajaran murid dengan memberi penekanan utama kepada pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran di samping tidak lagi berpandukan peperiksaan. Melalui PBD guru dapat mengesan perkembangan murid secara menyeluruh dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran, mengetahui keberkesanan pengajaran, merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran dan mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, 2021)



memantau dan membuat perekodan berdasarkan Dokumen Pentaksiran yang telah disediakan (KPM, 2018). Satu garis panduan juga telah dikeluarkan oleh pihak KPM bermula tahun 2014 untuk memberi kefahaman dan membantu guru serta pihak sekolah dalam melaksanakan PBD. Melalui panduan ini guru diberi pendedahan tentang konsep, tujuan, ciri-ciri, kaedah, aspek yang ditaksir, pertimbangan profesional, dan keperluan melaksanakan PBD serta cara mengaplikasikannya di dalam bilik darjah. (Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, 2019).



Walaupun guru dilengkapi dengan pengetahuan dan prinsip daripada pendidikan terdahulu, guru masih boleh mengubah amalan mereka semasa melaksanakan pentaksiran bilik darjah berdasarkan faktor kontekstual dan kepercayaan mereka. Ini kerana kepercayaan guru mempengaruhi keputusan yang mereka buat di dalam bilik darjah (Isenburg, 1990; Pajares, 1992; Hofer & Pintrich, 1997). Guru yang mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap kurikulum, tujuan dan fungsi pentaksiran serta murid dan pembelajaran murid mampu mengawal faktor kontekstual serta membentuk kepercayaan mereka dalam melaksanakan amalan pentaksiran bilik darjah yang berkualiti. Justeru bagi memastikan pelaksanaan PBD dapat dilaksanakan sehingga mencapai matlamatnya, guru bukan hanya perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran bahkan guru seharusnya dapat menguruskan faktor kontekstual dan memperkukuhkan kepercayaan untuk melaksanakan amalan PBD dengan berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan PBD merupakan sebahagian daripada proses PdPc yang menuntut guru membuat penilaian terhadap murid secara berterusan. Dalam konteks di bilik darjah, penilaian berterusan sangat perlu bagi memberikan eviden berkenaan hasil pembelajaran murid yang menyeluruh sekali gus menjadi indikator keberkesanan proses PdPc yang dijalankan. Untuk itu guru bukan sahaja perlu memiliki tahap literasi pentaksiran yang tinggi bahkan guru harus mengambil kira faktor kontekstual serta kepercayaan mereka tentang PBD dalam melaksanakan pentaksiran dengan berkesan.



Menurut Looney (2018), faktor kontekstual merupakan salah satu aspek yang membentuk identiti pentaksir dalam mentaksir murid sekali gus menentukan amalan pentaksiran guru di bilik darjah. Manakala Anniliza et al. (2023) dan Pajares (1992), pula menyatakan kepercayaan ialah faktor utama yang mempengaruhi amalan guru di bilik darjah termasuklah dalam melaksanakan PBD. Guru yang mempunyai kepercayaan yang kuat bahawa pelaksanaan PBD haruslah seiring dengan proses PdPc mampu mempelbagaikan aktiviti bilik darjah dan melaksanakan pentaksiran bersesuaian mengikut tahap kebolehan murid. Ini kerana, kepercayaan mempengaruhi guru dalam menentukan pendekatan, teknik, membuat pemilihan serta mempelbagaikan aktiviti PBD (Borg, 2001; Lee, 2008). Keadaan ini sekali gus dapat mengelakkan penggunaan instrumen penilaian yang tidak mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan serta mengelakkan kadar kegagalan murid yang tinggi dalam satu-satu pentaksiran.



Walaupun kursus-kursus PBD yang dianjurkan oleh pihak KPM dikatakan dapat membantu meningkatkan kompetensi guru dalam pelaksanaan PBD (Kannan et al., 2021) namun, menurut Van Ha et al. (2021) serta Ha dan Murray (2021), kursus-kursus sedemikian masih gagal meningkatkan kepercayaan guru serta pengetahuan prosedur PBD (Siti Fazlyana, 2021) untuk melaksanakan PBD dengan berkesan. Kurangnya pengetahuan prosedur PBD dan kepercayaan ini menyebabkan guru dikatakan melaksanakan PBD secara selektif (Norazilawati et al., 2015; Suseela & Sim, 2010), hanya memenuhi arahan daripada pihak atasan (Chin & Soubakeavathi, 2013), bias dalam memberi tahap penguasaan kepada murid, tidak amanah dalam melaksanakan pentaksiran seterusnya menyumbang kepada pelaporan yang tidak tepat (Ali & Veloo, 2017).





Selain itu, bilangan topik pembelajaran yang banyak, waktu PdPc yang terhad dan guru terlalu sibuk memegang jawatan-jawatan penting di sekolah menjadi faktor utama amalan PBD mengikut prosedur yang ditetapkan tidak dapat dilaksanakan (Halimah & Rozita, 2019; Sh. Siti Hauzimah, 2018). Keadaan ini bukan sahaja mempamerkan masalah kritikal guru berdasarkan faktor yang kontekstual dalam menjalankan amalan PBD, akan tetapi memperlihatkan kepercayaan mereka bahawa, kesemua topik perlu diselesaikan, barulah pentaksiran boleh dilakukan. Sedangkan, amalan PBD haruslah dilaksanakan seiring pengajaran pembelajaran secara berterusan dan menghabiskan topik bukanlah jaminan pentaksiran berkualiti. Jelaslah, guru didapati kurang memahami proses pelaksanaan formatif seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Jahidin, 2021).



dalam melaksanakan PBD sehingga memerlukan pemantauan, pementoran dan bimbingan berkala bagi memastikan PBD dilaksanakan mengikut konsep asal KPM (Arumugam, 2020; Isa et al., 2020). Pemantauan, pementoran dan bimbingan bertujuan memastikan penjaminan kualiti. Aspek ini menjadi keutamaan dalam semua aspek dan peringkat pentaksiran kerana pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang penguasaan murid. Maklumat yang tepat boleh membantu pembuat dan penentu dasar melakukan perubahan bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Fakhri & Mohd Isha, 2016).





Faktor kontekstual boleh memberi pengaruh yang besar terhadap amalan guru. Narathakoon et al. (2020), telah menyenaraikan faktor kontekstual adalah termasuk polisi pendidikan, kekangan masa (Acar-Erdol & Yildizli, 2018; Chan, 2008), beban kerja yang berlebihan (Chan, 2008), dan kekurangan pengetahuan pentaksiran guru (Vandeyar & Killen, 2007) mempengaruhi amalan pentaksiran guru. Selain itu, ciri-ciri sedia ada guru seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap, kepercayaan dan nilai memberi pengaruh yang kuat dalam melaksanakan amalan pentaksiran yang baik. (Shafini, 2015).

Berdasarkan penelitian penyelidik terhadap kajian-kajian dalam negara mendapati kajian terhadap amalan pentaksiran guru-guru sebelum ini hanya mengkaji kepada permasalahan pengetahuan, kemahiran, sikap dan personaliti. Seperti kajian Said (2022) dan Oo (2021), faktor yang dikaji ialah pengetahuan dan kemahiran yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru. Manakala Siti Fazlyana (2021), hanya mengkaji berkenaan faktor sikap, personaliti dan konsepsi pentaksiran terhadap amalan PBD guru. Terdapat juga kajian lain seperti kajian Omar (2019), turut mengkaji berkenaan faktor yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan personaliti terhadap amalan pentaksiran guru. Walaupun kajian Siti Nor Asiah (2019), terhadap amalan pentaksiran guru melibatkan faktor kepercayaan, akan tetapi faktor yang turut dikaji bersama ialah pengetahuan kemahiran dan sikap.



Daerah Kinta merupakan daerah yang terbesar dalam negeri Perak. Memandangkan daerah ini juga merupakan tempat bertugas pengkaji, maka pengkaji sangat dekat dengan akses guru serta terlibat dalam melaksanakan amalan PBD. Secara amnya, isu permasalahan yang dibincangkan harus ditangani oleh pihak KPM. Oleh yang demikian faktor kontekstual seperti pengetahuan prosedur PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja serta kepercayaan guru terhadap amalan PBD sangat perlu untuk dikaji bagi mencapai visi PPD Kinta Selatan adalah untuk mengangkat harga diri dan maruah murid dengan mempamerkan kualiti pentaksiran yang jitu serta menjadi contoh ikutan amalan yang terbaik. Sehubungan itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana faktor kontekstual dan kepercayaan menyumbang kepada amalan Pentaksiran Bilik Darjah guru sekolah rendah di Daerah Kinta Selatan.





1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan tujuan kajian di atas, kajian yang dijalankan ini adalah berteraskan objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap faktor kontekstual guru dalam aspek:
 - a) Pengetahuan PBD
 - b) Polisi Pendidikan
 - c) Kekangan Masa
 - d) Bebanan Kerja
2. Mengenal pasti tahap kepercayaan guru tentang PBD
3. Mengenal pasti tahap amalan PBD guru dalam aspek:
 - a) Perancangan pentaksiran
 - b) Penyediaan item pentaksiran
 - c) Pentadbiran item pentaksiran
 - d) Laporan skor dan penggredan
 - e) Penggunaan dan penilaian data
4. Mengenal pasti sejauh mana pengaruh faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan guru terhadap amalan PBD.
5. Mengenal pasti peramal terbaik antara faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan guru terhadap amalan PBD.



1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang dibina dalam menjalankan kajian ini, berdasarkan objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap faktor kontekstual guru dalam aspek:
 - a) Pengetahuan PBD?
 - b) Polisi Pendidikan?
 - c) Kekangan Masa?
 - d) Bebanan Kerja?
2. Apakah tahap kepercayaan guru tentang PBD?
3. Apakah tahap amalan PBD guru dalam aspek:
 - a) Perancangan pentaksiran
 - b) Penyediaan item pentaksiran
 - c) Pentadbiran item pentaksiran
 - d) Laporan skor dan penggredan
 - e) Penggunaan dan penilaian data
4. Sejauh manakah pengaruh faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan guru terhadap amalan PBD?
5. Yang manakah antara faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan guru merupakan peramal terbaik untuk amalan PBD?



1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian pertama, kedua dan ketiga hipotesis tidak diperlukan kerana ia perlu dijawab menggunakan statistik deskriptif. Manakala untuk menjawab persoalan kajian kelima, dikemukakan hipotesis-hipotesis seperti berikut:-

H₀₁: Tidak terdapat pengaruh faktor kontekstual (pengetahuan PBD) terhadap amalan PBD.

H₀₂: Tidak terdapat pengaruh faktor kontekstual (polisi pendidikan) terhadap amalan PBD.

H₀₃: Tidak terdapat pengaruh faktor kontekstual (kekangan masa) terhadap amalan PBD.

H₀₄: Tidak terdapat pengaruh faktor kontekstual (bebanan kerja) terhadap amalan PBD.

H₀₅: Tidak terdapat pengaruh faktor kepercayaan terhadap amalan PBD.

H₀₆: Tidak terdapat pengaruh terbaik yang signifikan antara faktor kontekstual (pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja) dan kepercayaan untuk amalan PBD

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang digunakan untuk kajian ini diadaptasi daripada Teori Bronfenbrenner (1917, 1979 & 1989), Model Kognisi Guru Borg (2003), dan Model Konseptual Kepercayaan Guru dan Amalan dari Nishino (2012). Model ini menjadi rujukan pengkaji dalam pembinaan kerangka konseptual kajian.

Urie Bronfenbrenner (1917), telah memperkembangkan teori ekologi dan menggunakan faktor kontekstual untuk memahami dengan lebih jelas pembangunan manusia. Teori ini juga menekankan pengaruh persekitaran memainkan peranan penting dalam tingkah laku dan amalan individu. Bronfenbrenner (1979), melalui teori yang dibangunkan menyatakan terdapat lima sistem dalam perkembangan individu iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem.

a. Mikrosistem

Mikrosistem membawa maksud persekitaran terdekat dan terhampir dengan seseorang individu itu (Bronfenbrenner, 1989). Mikrosistem mewakili hubungan interaksi dengan individu lain yang terdekat di mana ia juga dimaksudkan dengan siapakah yang paling banyak menghabiskan masa dengan seseorang individu itu. Tingkah laku dan amalan seseorang akan mempengaruhi orang yang terdekat dan respon yang baik akan diperoleh jika tingkah laku dan amalan yang baik ditunjukkan.



b. Mesosistem

Menurut Bronfenbrenner (1989), mesosistem merupakan sistem kedua dalam Teori Ekologi yang mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku seseorang individu. Sistem kedua ini lebih kepada interaksi antara individu atau pihak lain berkenaan tingkah laku dan amalan seseorang yang membawa kepada kemajuan kepada individu tersebut.

c. Ekosistem

Lapisan ketiga digelar ekosistem yang digambarkan sebagai satu buah organisasi yang tidak melibatkan satu-individu namun masih memberi pengaruh kepada tingkah laku dan amalan individu tersebut (Bronfenbrenner, 1989). Ia juga dikenali sebagai satu persekitaran yang tidak terlibat langsung dengan individu tersebut.

d. Makrosistem


Teori Ekologi Bronfenbrenner (1989) menerangkan bahawa Makrosistem membawa maksud perubahan persekitaran dalam tempoh masa tertentu.

e. Kronosistem

Kronosistem merupakan perubahan mengikut peredaran masa (Bronfenbrenner, 1989). Seperti perubahan dalam sistem pentaksiran pendidikan daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan dan kini pentaksiran lebih bersifat formatif dan holistik.



Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner, dapat digambarkan bahawa, pelbagai tingkat faktor mempengaruhi sesuatu perkembangan, tingkah laku dan amalan individu. Secara keseluruhannya teori ini menggambarkan secara umum aspek, tingkat persekitaran, individu, organisasi, zaman dan masa dalam mempengaruhi tingkah laku, amalan dan perkembangan seseorang individu. Oleh yang demikian dalam membina kerangka konseptual yang berfokus kepada faktor konseptual tertentu dan kepercayaan, pengkaji merujuk kepada Model Kognisi Borg (2003) dan Model Kepercayaan Guru dan Amalan dari Nishino (2012).




Rajah 1.1. Model Kognisi Guru dari Borg, 2003

Hubungan antara kognisi guru, persekolahan, kerja kursus profesional, faktor kontekstual dan amalan bilik darjah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.1. Rangka kerja Borg yang digunakan untuk mengkaji semula kajian terdahulu dalam penyelidikan pendidikan dan ringkasan penemuan kajian-kajian ini, terdiri daripada

lima faktor iaitu Kognisi Guru (apa yang guru tahu, percaya, dan berfikir), Persekolahan (pengalaman pembelajaran terdahulu), Kerja Kursus Profesional (pengalaman dalam kedua-dua program latihan guru sebelum dan dalam perkhidmatan), Faktor Kontekstual (keadaan sosial pendidikan), dan Amalan Bilik Darjah (pengalaman mengajar). Anak panah dalam Rajah 1.1 menunjukkan bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi satu sama lain.

Menurut Borg (2015), konsep kognisi guru adalah kompleks, terdapat kira-kira 60 istilah tersendiri yang digunakan dalam penyelidikan untuk merujuk kepada kognisi guru. Walaupun terdapat banyak istilah dalam pelbagai konteks yang digunakan bagi mewakili kognisi guru, Borg (2003) menjelaskan kognisi guru mewakili kepercayaan, pengetahuan, teori, sikap, imej, andaian, metafora, dan konsep guru mengenai pengajaran, guru, pembelajaran, pelajar, perkara subjek, kurikulum, bahan, aktiviti pengajaran, dan sebagainya.


Berdasarkan Model Kognisi Guru ini juga, kajian Nishino (2012) telah membina sebuah Model Kepercayaan Guru dan Amalan dengan menukarkan kognisi guru kepada kepercayaan guru, persekolahan kepada pengalaman pembelajaran, kerja kursus profesional kepada latihan guru pra perkhidmatan dan menambah keberkesanan pengajaran yang dirasakan seperti dalam rajah 1.2.



Rajah 1.2. Model Konseptual Kepercayaan Guru dan Amalan dari Nishino, 2012

Model Konsep Kepercayaan dan Amalan Guru (Rajah 1.2), yang setelah itu diubah suai kepada Model Laluan Hipotesis Kepercayaan dan Amalan Guru berdasarkan analisis kuantitatif.

Berdasarkan Model Kognisi Guru Borg (2003) dan Model laluan Hipotesis kepercayaan dan Amalan Guru Nishino (2012), kerangka konseptual kajian ini dibina berfokus untuk mengkaji sejauh mana faktor kontekstual dan kepercayaan guru tentang PBD memberi sumbangan kepada amalan PBD guru. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada faktor kontekstual, kepercayaan guru tentang PBD dan amalan PBD.



Rajah 1.3. Kerangka konseptual kajian adaptasi daripada Borg, 2003 dan Nishino, 2012

Berdasarkan rajah 1.3, pemboleh ubah kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar merupakan faktor kontekstual yang terdiri daripada pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa, bebanan kerja. Seterusnya adalah pemboleh ubah tidak bersandar kepercayaan yang berfokus kepada kepercayaan guru tentang PBD. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah amalan PBD. Terdapat lima aspek bagi amalan PBD iaitu, perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan penggredan serta penggunaan dan penilaian data.

Faktor konseptual merupakan faktor yang memberi pengaruh terbesar dalam menentukan amalan PBD. Dalam dapatan kajian Nishino (2012), peratus faktor kontekstual memberi sumbangan amalan guru dalam bilik darjah sebanyak 93% berbanding faktor-faktor lain yang dikaji. Ini menunjukkan, faktor kontekstual

mempengaruhi amalan bilik darjah guru. Berdasarkan Narathakoon et al. (2020); Basturkmen (2012); Fives & Buehl (2012) dan Mansour (2009), faktor kontekstual adalah termasuk polisi pendidikan, kekangan masa (Acar-Erdol & Yildizli, 2018; Chan, 2008), beban kerja yang berlebihan (Chan, 2008), dan kekurangan pengetahuan pentaksiran guru (Vandeyar & Killen, 2007) mempengaruhi amalan pentaksiran guru.

Sebilangan besar pengkaji terdahulu seperti Basturkmen (2012), Borg (2003), dan Pajares (1992), mengkaji berkenaan kognisi guru, menyatakan bahawa kepercayaan mempengaruhi amalan bilik darjah guru. Penemuan dari penyelidikan tersebut telah menunjukkan bagaimana kepercayaan guru mempengaruhi keputusan yang diambil dalam mendasari amalan pengajaran dan pentaksiran mereka (Buyukkarci, 2014; Davison, 2004; Yin, 2010; James & Pedder, 2006; Neeson, 2000).

Jadi, faktor ini mungkin mempengaruhi amalan PBD guru kerana kecenderungan kepercayaan guru adalah bertentangan dengan amalan sebenar guru ketika berada dalam bilik darjah (Phipps & Borg, 2009).

Manakala aspek-aspek yang mewakili amalan pentaksiran merujuk kepada prosedur pentaksiran yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Buku Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah tahun 2014 menyatakan Pelaksanaan PS ataupun PBD dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula daripada aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporannya. Menurut Samuelowicz (1999), amalan pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian murid. Namun Chang (1988), menyatakan bahawa amalan pentaksiran yang menjadi kebiasaan guru adalah

dengan melakukan pentadbiran ujian di mana amalan seperti merancang, membina, menganalisis dan melapor didapati kurang memuaskan.

1.8 Definisi Operasional

Definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.8.1 Faktor Kontekstual

Faktor kontekstual boleh ditakrifkan sebagai faktor yang berkait selain daripada faktor tingkah laku yang dapat mempengaruhi niat dan amalan seseorang individu (Rahmawati & Mawardi, 2017). Berdasarkan Fullmer et al. (2015), faktor kontekstual terdiri daripada 3 tahap iaitu tahap makro, meso dan mikro yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru, di mana tahap makro merupakan faktor yang berkait dengan sistem pendidikan, tahap meso berkait dengan polisi dan budaya sekolah dan tahap mikro berkait dengan interaksi guru dan murid dalam persekitaran bilik darjah itu sendiri. Dalam konteks kajian ini faktor kontekstual adalah berdasarkan cadangan Narathakoon et al. (2020); Basturkmen (2012); Fives dan Buehl (2012) serta Mansour (2009), iaitu pengetahuan PBD, polisi pendidikan, kekangan masa dan beban kerja.



1.8.2 Pengetahuan PBD

Kleickman et al. (2015) menyatakan pengetahuan merupakan pemahaman guru mengenai sesuatu perkara berkaitan pengajaran meliputi konsep, prinsip, fakta, hukum dan model tertentu. Pengetahuan merujuk kepada maklumat yang difahami dan dihantar daripada pengirim kepada penerima (Kauppinen, 2014). Maklumat ini haruslah memenuhi tiga syarat penting iaitu kepercayaan, kebenaran serta justifikasi keadaan berdasarkan Peters (2001). Selain itu, pengetahuan juga boleh ditakrifkan sebagai set data, maklumat yang dimiliki perlu diproses dan diterjemahkan (David & Foray, 2002). Maklumat yang didasari fakta menjadi panduan kepada individu dalam menentukan tindakan serta mempertahankan persepsi yang dimiliki (Calderhead, 1996; Richardson, 1996).



Pengetahuan juga ialah kecekapan intelektual untuk mengingat kembali atau mengenal pasti kandungan khusus yang terdapat dalam sesuatu subjek (Padmanaban, Ruhizan & Mohd Isa, 2017). Menurut Norhana (2019), PBD bukan satu kaedah baharu tetapi kaedah yang dihidupkan semula dan diperkukuhkan. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan PBD merujuk kepada maklumat atau kandungan yang dimiliki oleh guru dalam aspek prosedur pentaksiran dalam bilik darjah yang meliputi pentaksiran formatif dan sumatif.





1.8.3 Polisi Pendidikan

Ball (2021) mendefinisikan polisi pendidikan sebagai satu aturan khusus pendidikan dengan membina satu set idea tertentu yang jelas, logik dan benar. Polisi merupakan sebagai satu set undang-undang atau garis panduan normatif. Polisi ditakrifkan sebagai status teks pentadbiran, dan teks ini lazimnya mengikat individu dengan suatu mandat yang telah diwartakan dalam bidang sosial. Polisi juga merupakan satu arahan bagi mengatur tingkah laku yang sewajarnya seperti yang telah ditetapkan (Levinson, 2009). Dalam konteks kajian ini, polisi pendidikan merujuk kepada arahan dan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak KPM sebagai mandat kepada guru untuk melaksanakan amalan PBD.



1.8.4 Kekangan Masa

Merujuk kepada cara guru menguruskan masa dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti mengajar pelajar mengikut tuntutan sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh pihak pengurusan dan cara guru menguruskan masa dalam bidang kurikulum dan kokurikulum (Mohd Azri, 2019). Kekangan masa juga melibatkan bagaimana cara guru menguruskan tugas mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan mengenai cara guru menguruskan komitmen terhadap kerja mereka dan tanggungjawab di luar tugas (Norisham, 2018).

Selain itu, ia juga merupakan ketidakcukupan tempoh sama ada dalam bentuk tarikh, ataupun waktu bagi sesuatu individu menyerahkan apa jua transaksi yang





sepatutnya diselesaikan sebelum atau pada sesuatu tempoh ditetapkan (Haritsa et al., 1990). Manakala, daripada perspektif pendidikan, kekangan masa juga merujuk kepada kekurangan masa yang dialami oleh guru. Perkara ini disebabkan oleh lebih bebanan dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh guru. Ekoran daripada lebih tanggungjawab ini, ia telah memberikan kesan negatif kepada kualiti pentaksiran guru serta tidak sempat menghabiskan sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran (Kamaruddin, 2007).

Dalam konteks kajian ini, kekangan masa merujuk kepada kekurangan masa yang diperlukan oleh guru dalam melaksanakan dan menyelesaikan tugas pentaksiran bilik darjah mereka.



1.8.5 Bebanan Kerja

Merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru yang boleh memberi tekanan kerja seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, dan lain-lain tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seseorang guru sepanjang bekerja. Tekanan berkaitan kerja juga perkara yang berpotensi memberi tekanan kerja terhadap guru yang mempunyai kaitan dengan kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh guru (Norisham, 2018).

Bebanan kerja daripada perspektif pendidikan yang melibatkan guru, adalah berkenaan tanggungjawab yang perlu dilakukan dan dipikul. Antaranya adalah seperti mengajar, mendidik, membuat perancangan pengajaran, mengisi borang, mengemas





kini data pelajar, menghadiri kursus dan sebagainya (Raja Maria, 2011). Dalam konteks kajian ini, bebanan kerja ialah tugas-tugas lain yang bukan melibatkan pengajaran atau pentaksiran dan menyumbang kepada kualiti amalan PBD guru.

1.8.6 Kepercayaan Guru Tentang PBD

Apa jua yang menentukan amalan seseorang itu bergantung kepada kepercayaan yang dimiliki oleh individu tersebut dalam sesuatu keadaan (Passos et al., 2013). Kepercayaan guru ialah penghakiman guru tentang kebenaran atau kepalsuan sesuatu keputusan, tindakan, dan reaksi dalam ruang lingkup kerjaya mereka (Pajares, 1992). Kepercayaan guru juga dikaitkan dengan kebenaran membimbing matlamat, emosi, keputusan, tindakan dan reaksi terhadap tanggungjawab kepada organisasi, struktur, pengalaman pembelajaran, dan pembangunan sosial untuk berfungsi dalam konteks, bilik darjah, sekolah, masyarakat dan negara (Bandura, 1997).

Menurut Herman et al. (2022) pula, kepercayaan guru sebagai satu set tanggapan yang saling berkaitan atau satu set perwakilan konseptual yang menyimpan pengetahuan umum tentang objek, orang dan peristiwa dalam bidang pengkhususan mereka. Manakala Fang et al. (2017) mendefinisikan kepercayaan guru sebagai simpanan pengetahuan umum yang banyak berkenaan objek, orang, peristiwa, dan hubungan antara mereka di mana hal ini mempengaruhi perancangan, pemikiran dan keputusan interaktif guru sekali gus tingkah laku mereka dalam bilik darjah.



Dalam kajian ini, kepercayaan guru merujuk kepada tanggapan, penghakiman, keyakinan dan persetujuan guru tentang kepercayaan mereka tentang objektif, fungsi dan tujuan PBD yang menjadi pegangan guru dalam melaksanakan amalan pentaksiran dalam bilik darjah.

1.8.7 Amalan Pentaksiran

Amalan pentaksiran merupakan cara-cara bagaimana penilaian berfungsi secara keseluruhannya dan ditadbir dengan pelbagai cara seperti ujian (Christie et al., 2020). Selain itu, amalan pentaksiran juga diterjemahkan sebagai aktiviti untuk mengesan penguasaan murid yang dibuat oleh guru terhadap perkara yang telah diajar (Sani,

Manakala pentaksiran pula ialah proses memerhati atau mencerap pembelajaran di dalam bilik darjah. Ia meliputi proses menghurai, mengumpul, perekodan, penskoran dan menginterpretasikan maklumat berhubung pembelajaran seseorang murid secara terperinci (Omar & Mohd Hashim, 2003). Dalam konteks kajian ini, amalan pentaksiran merujuk kepada aktiviti guru dalam merancang pentaksiran, menyediakan item pentaksiran, mentadbir pentaksiran dan penskoran, menyediakan laporan skor dan penggredan serta penggunaan dan penilaian data.

Secara keseluruhannya definisi operasi setiap pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini akan diukur menggunakan instrumen dengan melihat kepada skor persetujuan responden yang akan dihuraikan secara terperinci dalam bab-bab seterusnya.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji faktor kontekstual dan kepercayaan guru terhadap amalan PBD. Walaupun maklumat yang diperoleh daripada faktor-faktor yang dikaji ini mempengaruhi amalan pentaksiran yang dilakukan, namun menurut Fullan (2018), kepercayaan guru lebih sukar diubah berbanding kepada menukarkan bahan, kandungan dan strategi pentaksiran. Justeru faktor kontekstual dan apa yang guru percaya dengan amalan PBD yang dikaji dalam kajian ini tidak semestinya menggambarkan keseluruhan amalan PBD mereka yang sebenar dalam situasi bilik darjah. Oleh itu, kajian ini sememangnya hanya bergantung sepenuhnya kepada tahap kejujuran responden dalam memberikan maklum balas berkenaan faktor kontekstual dan kepercayaan mereka terhadap amalan PBD.



Seterusnya sampel kajian ini hanya melibatkan pengumpulan data yang menggunakan soal selidik. Salah satu faktor yang menjadi kebimbangan guru adalah apabila amalan pentaksiran mereka dinilai dan dilihat oleh orang lain. Hal ini dapat menjelaskan keadaan sebenar yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru (Davison, 2019). Selain itu, menurut Abdel Khalick dan Lederman (2000), kepercayaan sukar difahami dan guru mungkin tidak menyedari atau tidak memiliki bahasa untuk menggambarkan kepercayaan mereka sendiri. Maka, kaedah-kaedah seperti temu bual, pemerhatian dan pemeriksaan dokumen jika dapat dijalankan akan memantapkan lagi hasil kajian.





Akhir sekali, kajian ini bukanlah kajian yang menyeluruh kerana dibataskan kepada guru-guru sekolah rendah yang dipilih melalui pensampelan kelompok oleh pengkaji dalam daerah Kinta Selatan sahaja. Oleh itu, sampel tidak menggambarkan sepenuhnya populasi sebenar guru sekolah di Malaysia, seterusnya tidak boleh digeneralisasikan di luar konteks di mana kajian ini dijalankan.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sumbangan faktor kontekstual dan kepercayaan guru terhadap amalan pentaksiran bilik darjah (PBD). Ini kerana guru yang dapat mengawal faktor kontekstual dengan baik serta memiliki kepercayaan yang positif akan menghasilkan amalan PBD yang berkualiti.

Bagi tujuan tersebut, faktor kontekstual yang mempengaruhi dalam membentuk kepercayaan guru dan amalan PBD yang relevan dalam konteks pendidikan hari ini perlulah diketahui agar dapat disebarluaskan kepada semua guru sama ada di peringkat pra perkhidmatan mahupun dalam perkhidmatan.

Untuk itu, dapatan menerusi kajian empirik diperlukan bagi menentukan sejauh mana faktor kontekstual dan kepada kepercayaan guru menyumbang kepada amalan PBD seterusnya dapat memberikan panduan kepada pihak yang terlibat dalam mengambil tindakan meningkatkan kualiti amalan pentaksiran guru.





Dapatan kajian yang dijalankan ini dapat digunakan oleh pihak pembangunan profesional KPM untuk menilai sejauh mana faktor kontekstual dan kepercayaan guru mempengaruhi amalan PBD guru. Maklumat ini penting kerana, ia dapat dijadikan sebagai satu input kepada Bahagian Profesionalisme Guru KPM untuk menambah baik dan memantapkan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) yang dijalankan sentiasa kekal relevan dan dapat memenuhi keperluan sekolah. Di samping itu, maklumat sebegini juga dapat membantu pihak Bahagian Profesionalisme Guru KPM untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan guru dalam mengawal faktor kontekstual yang terlibat serta membina kepercayaan mereka terhadap amalan PBD secara berterusan.

Dapatan kajian ini juga, dapat digunakan oleh pihak KPM untuk menjalankan program berkenaan pengurusan masa dan bebanan kerja dalam mendidik guru untuk sentiasa berefleksi diri mereka, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan amalan pentaksiran supaya mereka menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berintegriti di samping menanamkan kepercayaan sepenuhnya kepada mereka untuk menyediakan pentaksiran yang benar-benar melaporkan pencapaian atau kebolehan murid.

Selain itu, guru juga dapat menggunakan dapatan kajian ini sebagai satu motivasi bagi meningkatkan kesedaran diri (*self-awareness*) dalam mengawal faktor kontekstual secara lebih positif serta membantu membentuk semula kepercayaan mereka terhadap amalan PBD dengan lebih berkesan. Sekiranya prosedur amalan PBD yang telah ditetapkan masih lagi tidak dijalankan dengan baik, dapatan kajian ini dapat





memberikan input kepada mereka untuk meningkatkan motivasi secara berterusan dalam menjalankan prosedur dan amalan PBD yang lebih berkualiti.

1.11 Rumusan

Dalam bab 1, pengkaji telah menerangkan aspek-aspek penting yang mendasari kajian ini. Aspek-aspek tersebut meliputi latar belakang, permasalahan, objektif, soalan, hipotesis, kerangka konseptual, kepentingan, dan batasan kajian. Selain itu, pengkaji juga turut menghuraikan definisi istilah bagi pemboleh ubah - pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Akhir sekali, penerangan yang disediakan ini diharap dapat memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai fokus kajian yang dijalankan iaitu bagi menentukan sumbangan faktor yang mempengaruhi kepercayaan guru terhadap amalan PBD.

